

Pelan kawalan denggi berjaya

Berita Harian 15/05/2010 M/S 12

Jumlah kes demam bawaan Aedes semakin berkurangan sejak awal tahun

PUTRAJAYA: Pelan strategik Kementerian Kesihatan bagi mengawal denggi mula menunjukkan hasil positif, walaupun dilancarkan kurang setahun lalu, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Liow Tiong Lai.

Pelan dilancarkan pada April 2009 untuk tempoh lima tahun bagi menurunkan bilangan kes kepada 10 peratus setahun dengan sasaran mengurangkan 50 peratus kes denggi daripada 49,335 pada 2008 kepada 21,430 pada 2010.

“Setakat 6 Mac 2010, 9,423 kes dilaporkan menurun 14 peratus berbanding tempoh sama pada 2009 yang mencatat 10,916 kes,” katanya.

Liow berkata, Kementerian Kesihatan memandang serius masalah denggi kerana bilangan kes masih dianggap tinggi dan jumlah kematian dilaporkan tahun lalu dalam tempoh yang sama ialah 30.

“Kita akan menggalakkan lebih banyak penyertaan masyarakat dalam program kawalan denggi supaya ia berkesan.

“Hasil penguatkuasaan ki-

ta, 46,848 daripada 3.5 juta premis yang diperiksa pada 2009 didapati membiak aedes. Januari tahun ini, 6,602 daripada 281,994 premis diperiksa didapati positif membiak Aedes,” katanya.

FAKTA NOMBOR

9,423
kes

demam denggi dilaporkan di seluruh negara setakat 6 Mac 2010

Dalam soal kawasan panas, Liow berkata, 36 daripada 71 lokaliti didapati positif membiak aedes, dengan banyak premis didapati positif mulai dari satu peratus hingga sehingga 21 peratus.

“Malangnya, hanya 12 kegiatan gotong-royong dijalankan di kawasan itu daripada sasaran 71 lokaliti,” katanya.

Liow berkata, kementerian akan terus menggalakkan masyarakat mengawal denggi melalui pendekatan Komunikasi bagi Kesan Perilaku (COMBI) kerana ia pendekatan terbaik disyorkan

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

“Kita mewujudkan COMBI di 661 lokaliti seluruh negara menjelang akhir tahun lalu, di mana kita dapat mengawal kes denggi dengan berkesan di 408 lokaliti,” katanya.

Liow turut mengingatkan orang ramai supaya mendapatkan rawatan segera jika mengalami demam dan membersihkan rumah bagi mengelak nyamuk Aedes membiak.

“Jika kita dapat memerangi H1N1, tiada sebab kenapa kita tidak boleh memerangi denggi,” katanya. – Bernama